

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Fizik 2 mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A , Bahagian B dan Bahagian C. Calon diberi masa 2 jam 30 minit untuk menjawab ketiga-tiga bahagian ini.

Bahagian A: Merupakan soalan struktur berbentuk respons terhad. Calon diwajibkan menjawab kesemua 8 soalan. Soalan dalam bahagian ini meliputi konstruk pengetahuan, kefahaman, aplikasi secara kualitatif dan kuantitatif, mengkonsepsi, penyelesaian masalah dan membuat keputusan.

Bahagian B: Merupakan soalan esei berbentuk respons terbuka. Calon dikehendaki memilih sama ada menjawab soalan 9 atau soalan 10. Kedua-dua soalan mempunyai konstruk yang sama iaitu mengkonsepsi dan penyelesaian masalah.

Bahagian C: Merupakan soalan esei berbentuk respons terbuka. Calon dikehendaki memilih sama ada menjawab soalan 11 atau soalan 12. Kedua-dua soalan mempunyai konstruk yang sama iaitu aplikasi secara kuantitatif dan membuat keputusan.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi calon pada keseluruhannya adalah sederhana dan tiada banyak perbezaan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Hanya sebahagian kecil sahaja calon yang memperolehi prestasi yang cemerlang dan prestasi yang lemah. Kematangan calon dalam menyampaikan fakta dan konsep-konsep fizik semakin meleset terutama dalam penyelesaian masalah dan juga membuat keputusan. Kemampuan mereka menguasai hukum, prinsip dan teori fizik adalah sederhana. Penyelesaian masalah secara kuantitatif adalah sederhana iaitu sebahagian calon tidak menggunakan rumus yang betul menyebabkan gantian yang dibuat adalah tidak betul. Sehubungan dengan itu, masih terdapat calon yang lemah dalam menguasai istilah fizik, kemahiran proses sains seperti memerhati, membanding beza sehingga gagal menjawab soalan konstruk mengkonsepsi.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Jawapan yang dikemukakan calon adalah jelas, ringkas dan bersistematik serta terus kepada kehendak tugas soalan. Laras bahasa sains digunakan dengan betul dan pernyataan isi kandungan secara turutan. Gambarajah yang jelas dan lengkap disertakan dalam penerangan isi. Boleh menghubungkan situasi, menyelesaikan masalah menggunakan kemahiran istilah/laras fizik yang betul. Kumpulan calon ini mempunyai kemahiran mengkonsepsi yang baik. Jawapan calon menggambarkan mereka menguasai kemahiran seperti yang diharapkan dalam sukatan pelajaran. Calon dalam kumpulan ini juga mampu mencadangkan kaedah penyelesaian masalah yang logik dan tepat berdasarkan konsep fizik yang betul.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Jawapan calon adalah jelas tetapi agak panjang huraian jawapannya. Susunan fakta yang diperlukan masih kurang mantap. Kurang mahir menguasai laras bahasa fizik. Hampir tepat berdasarkan kehendak tugas soalan. Calon menguasai dengan baik terutama bahagian

struktur tetapi kurang bijak dalam memilih soalan esei yang menyumbangkan markah terbaik. Isi-isi yang diberikan dalam esei adalah kurang tepat dan tidak cukup berbanding kehendak skema pemarkahan. Calon agak lemah dalam soalan yang melibatkan kemahiran mengkonsepsi. Dalam soalan menyelesaikan masalah pula, jawapan calon lebih kepada penerangan secara umum, tidak mengaplikasikan konsep fizik dalam penerangan pemilihan aspek-aspek tertentu untuk mengatasi masalah yang dikemukakan dalam soalan. Susun atur fakta yang dihuraikan juga tidak sistematik dan menggambarkan calon tidak mahir dalam sesuatu konsep fizik yang pernah dipelajari oleh mereka.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Jawapan calon adalah kabur dan tidak bersistematik. Aplikasi fizik sangat lemah. Kefahaman konsep, fakta, rumus, unit, kuantiti fizik dan prinsip adalah sangat lemah, terutama jawapan untuk mengkonsepsi dan menyelesaikan masalah (Bahagian B dan Bahagian C). Jawapan yang diberikan tidak mengikut agihan markah yang diperlukan. Ketidakkampuan calon mengaitkan isi kandungan dengan konsep yang telah dipelajari di dalam kelas. Jawapan calon terpesong daripada kehendak tugasan soalan. Calon gagal memahami kehendak soalan. Ramai calon mempunyai masalah dari segi penggunaan bahasa Inggeris yang betul, iaitu ejaan dan laras bahasa yang salah.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan Bahagian A (Struktur)

SOALAN 1

- 1 Diagram 1 shows how a vibrating tuning fork produces sound waves in air.

Rajah 1 menunjukkan bagaimana tala bunyi yang bergetar menghasilkan gelombang bunyi di udara.




Diagram 1
Rajah 1

Soalan 1(a)

(a) Underline the correct answer in the bracket to complete the sentence below.

Sound wave is a (longitudinal , transverse) wave.

Garis jawapan yang betul dalam kurungan untuk melengkapkan ayat di bawah.

Gelombang bunyi adalah gelombang (membujur , melintang).

Sebahagian besar calon dapat memberikan jawapan yang tepat dengan menggariskan jawapan yang betul

Contoh 1.1

(a) Underline the correct answer in the bracket to complete the sentence below.

Sound wave is a (longitudinal , transverse) wave.

Garis jawapan yang betul dalam kurungan untuk melengkapkan ayat di bawah.

Gelombang bunyi adalah gelombang (membujur , melintang).

Sebahagian kecil calon memberikan jawapan yang berlainan untuk versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Contoh 1.2

(a) Underline the correct answer in the bracket to complete the sentence below.

Sound wave is a (longitudinal , transverse) wave.

Garis jawapan yang betul dalam kurungan untuk melengkapkan ayat di bawah.

Gelombang bunyi adalah gelombang (membujur , melintang).

Soalan 1(b)(i)

(b) Based on Diagram 1,

Berdasarkan Rajah 1,

(i) name region X,

namakan kawasan X,

Kebanyakan calon dapat menamakan kawasan X dengan tepat.

Contoh 1

(i) name region X,

namakan kawasan X,

Compression.....

Sebahagian kecil calon memberikan nama yang salah bagi kawasan X.

Contoh 1.4

- (i) name region X,
namakan kawasan X,

~~case~~ destructive region

Hanya sebahagian kecil sahaja calon memberikan jawapan tetapi dengan ejaan yang salah.

Contoh 1.5

- (i) name region X,
namakan kawasan X,

comphression.

Soalan 1(b)(ii)


- (ii) mark one distance which is equal to a wavelength of the sound waves.
Label the distance using the symbol λ .

nyatakan satu jarak yang bersamaan dengan satu panjang gelombang bagi gelombang bunyi itu.

Label jarak itu menggunakan simbol λ .


Sebahagian kecil calon dapat melabelkan panjang gelombang, λ dengan betul.

Contoh 1.6



Sebahagian besar calon melabelkan panjang gelombang, λ yang salah iaitu dengan dua muka gelombang yang tidak sefasa.

Contoh 1.7



Soalan 1(c)

(c) The tuning fork in Diagram 1 vibrates in water.
What happens to the speed of sound?

*Tala bunyi dalam Rajah 1 bergetar di dalam air.
Apakah yang terjadi kepada kelajuan bunyi?*

Sebahagian kecil calon dapat memberikan jawapan yang tepat tentang apa yang terjadi kepada kelajuan bunyi apabila berada di dalam air.

Contoh 1.8

Speed of the sound will increase.

Sebahagian besar calon menulis jawapan yang salah dengan menyatakan halaju gelombang bunyi akan berkurang di dalam air.

Contoh 1.9

decrease

SOALAN 2

- 2 Diagram 2 shows a water tank that supplies water to a block of flats. The water flows to each unit of the flat due to water pressure.

Rajah 2 menunjukkan sebuah tangki air yang membekalkan air ke sebuah blok rumah pangsa. Air mengalir ke setiap rumah itu disebabkan oleh tekanan air.




Diagram 2
Rajah 2

Soalan 2(a)

- (a) What is meant by pressure?

Apakah yang dimaksudkan dengan tekanan?

Sebahagian daripada calon dapat menyatakan maksud tekanan dengan betul.

Contoh 2.1

Pressure is force over surface area $P = \frac{F}{A}$

Ramai juga calon yang tidak dapat memberikan maksud tekanan dengan tepat.

Contoh 2.2

the movement of particles colliding with the body wall of its container.

Soalan 2(b)

- (b) A water tank with a height of 3.0 m is fully filled with water.
Calculate the water pressure at the base of the water tank.
[Density of water = $1\,000\text{ kg m}^{-3}$]

Tangki air setinggi 3.0 m diisi penuh dengan air.
Hitung tekanan air pada dasar tangki itu.
[Ketumpatan air = $1\,000\text{ kg m}^{-3}$]

Ramai calon dapat menghitung tekanan berserta unitnya dengan tepat.

Contoh 2.3

$$\begin{aligned} \text{Pressure} &= \rho g h \\ &= 1000 \times 10 \times 3.0 \\ &= 30\,000 \text{ Pa} \\ &= 30 \text{ kPa} \end{aligned}$$

Sebahagian kecil calon tidak dapat menyatakan jawapan berserta unit yang betul.

Contoh 2.4

$$\begin{aligned} p &= \rho h g \\ p &: 3.0 \times 10 \times 1000 \\ &= 30000 \end{aligned}$$

Soalan 2(c)

- (c) Based on Diagram 2, compare the water pressure at P and at Q.
Explain your answer.

*Berdasarkan Rajah 2, bandingkan tekanan air di P dengan di Q.
Jelaskan jawapan anda.*

Sebahagian kecil calon dapat memberikan jawapan yang tepat berserta dengan penerangan yang betul.

Contoh 2.5

Water pressure at Q is higher than P.
This is because the pressure will increase
when the height from the point to the
water tank increase.

Ramai calon yang memberikan jawapan dan penerangan yang salah.

Contoh 2.6

Water pressure at P is higher compared to at Q. Because at P the
water flow is faster than Q.

SOALAN 3

- 3 Diagram 3.1 shows the change of phase when 1 kg of ice is converted into steam.
Rajah 3.1 menunjukkan perubahan fasa apabila 1 kg ais ditukar menjadi stim.




Diagram 3.1
Rajah 3.1

Q_1 , Q_2 and Q_3 are the heat energies absorbed during the heating process.

Q_1 , Q_2 dan Q_3 adalah tenaga haba yang diserap ketika proses pemanasan itu.

Soalan 3(a)

(a) Name the heat energy, Q_1 , which is absorbed from **R** to **S**.

*Namakan tenaga haba, Q_1 , yang diserap dari **R** ke **S**.*

Sebahagian besar calon dapat menamakan tenaga haba yang betul.

Contoh 3.1

Latent heat of fusion

Sebahagian kecil calon tidak dapat menamakan tenaga haba dengan tepat.

Contoh 3.2

Heat surrounding the water

Soalan 3(b)

(b) State **one** reason why the temperature at **R** and **S** is the same even though heat is supplied.

*Nyatakan **satu** sebab mengapa suhu di **R** dan **S** adalah sama walaupun haba dibekalkan.*

Ramai calon dapat menyatakan sebab yang betul.

Contoh 3.3

*Because heat energy is absorbed by the ~~area~~ ice ~~atom~~ molecule
the bond
in order to break down into water.*

Sebahagian kecil calon tidak dapat menyatakan sebab yang betul.

Contoh 3.4

*This is because the ice at R melts without any extra heat
supply.*

Soalan3(c)

(c) Calculate the heat energy, Q_2 , which is absorbed from S to T.

[The specific heat capacity of water, $C = 4\,200 \text{ J kg}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1}$]

Hitung tenaga haba, Q_2 , yang diserap dari S ke T.

[Muatan haba tentu air, $C = 4\,200 \text{ J kg}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1}$]

Ramai calon dapat menggunakan rumus yang betul, membuat gentian dan memberikan jawapan berserta dengan unit yang betul.

Contoh 3.5

$$\begin{aligned} Q &= mc\theta \\ &= 1(4200)(100-0) \\ &= 420\,000 \text{ J} \end{aligned}$$

Hanya sebahagian kecil calon sahaja yang menggunakan konsep yang salah untuk menghitung tenaga haba.


Contoh 3.6

$$\begin{aligned} \cancel{mc\theta} &= \cancel{mc\theta} \\ \cancel{\text{heat energy absorbed}} &= \cancel{mc\theta} \\ &= \cancel{(1)(4200)} \end{aligned}$$
$$\begin{aligned} mc\theta &= mc\theta \\ (1)(4200)\theta &= \cancel{1}(4200)(100) \\ \theta &= 100 \text{ }^\circ\text{C} \end{aligned}$$

Soalan 3(d)


(d) Sketch the graph of temperature against time on Diagram 3.2 to show the change of phase from **R** to **U**.

Lakarkan graf suhu melawan masa pada Rajah 3.2 untuk menunjukkan perubahan fasa dari **R** ke **U**.




Majoriti calon dapat melakarkan graf yang betul.

Contoh 3.7



Sebahagian kecil calon melakarkan graf yang salah kerana tidak menunjukkan suhu yang tetap (kewujudan haba pendam) semasa peleburan berlaku.

Contoh 3.8



SOALAN 4

- 4 Diagram 4 shows a worker lifting a load of mass 20 kg using a pulley system. The worker applies a force of 220 N to pull the rope down a distance of 0.5 m. The load is raised to a height of 0.5 m.

Rajah 4 menunjukkan seorang pekerja mengangkat beban berjisim 20 kg dengan menggunakan sistem takal. Pekerja itu menggunakan daya 220 N untuk menarik tali sejauh 0.5 m. Beban tersebut dinaikkan setinggi 0.5 m.




Diagram 4
Rajah 4

Soalan 4(a)

(a) What is meant by work?

Apakah yang dimaksudkan dengan kerja?

Kebanyakan calon dapat menyatakan maksud kerja dengan tepat.

Contoh 4.1

force x distance displacement

Sebahagian kecil calon tidak dapat menyatakan maksud kerja yang betul kerana melibatkan tiga kuantiti fizik bagi mentakrifkan kerja.

Contoh 4.2

Work is the produce of mass and distance and force

Soalan4(b)(i)

(b) Calculate the work done

Hitung kerja yang dilakukan

- (i) by the worker to pull the rope down a distance of 0.5 m.
oleh pekerja tersebut untuk menarik tali sejauh 0.5 m.

Ramai calon dapat menghitung kerja dengan tepat.

Contoh 4.3

$$\begin{aligned} \text{i) } W &= 220 \times 0.5 \\ &= \cancel{100 \text{ Nm}} \\ &= 110 \text{ Nm} \end{aligned}$$

Sebahagian kecil calon tidak dapat menghitung kerja dengan betul kerana sesaran yang digunakan ialah 10 m.

Contoh 4.4

$$\begin{aligned} W &= fs \\ &= 220(10) \\ &= 2200 \text{ J} \end{aligned}$$

Soalan 4(b)(ii)

(ii) on the load to raise it to a height of 0.5 m.

ke atas beban untuk menaikkan beban itu setinggi 0.5 m.

Sebahagian kecil calon dapat menghitung kerja menaikkan beban dengan betul.

Contoh 4.5

$$\begin{aligned}W &= (20 \times 10) (0.5) \\ &= 100 \text{ Nm}\end{aligned}$$

Kebanyakan calon membuat kesilapan dalam menghitung kerja kerana menggunakan nilai daya yang salah.

Contoh 4.6

$$\begin{aligned}W &= F \times d \\ &= (220 - 200) (0.5) \\ &= 10 \text{ Nm}\end{aligned}$$

Soalan 4(c)(i)

(c) (i) Compare the work done in 4(b)(i) and 4(b)(ii).

Bandingkan kerja yang dilakukan di 4(b)(i) dan di 4(b)(ii).

Ramai calon dapat membandingkan kerja dalam 4(b)(i) dan 4(b)(ii) dengan betul.

Contoh 4.7

The work done in 4(b)(i) is more than the work done in 4(b)(ii).

Sebahagian kecil calon tidak membuat perbandingan antara 4(b)(i) dan 4(b)(ii).

Contoh 4.8

The work done in 4(b)(ii) is less than in 4(b)(i)

Soalan 4(c)(ii)

(ii) State why there is a difference between the work done in 4(b)(i) and 4(b)(ii).

Nyatakan mengapa terdapat perbezaan antara kerja yang dilakukan di 4(b)(i) dan di 4(b)(ii).

Terlalu sedikit calon dapat menyatakan sebab dengan betul.

Contoh 4.9

due to the friction

Kebanyakan calon tidak dapat menyatakan sebab yang berkaitan dengan daya geseran.

Contoh 4.10

The gravitational force take part in work done in 4(b)(i).

SOALAN 5

5 Diagram 5.1 and Diagram 5.2 show a light ray passing through prism P and prism Q, respectively. Prism P and prism Q are made of glass with different densities.

Rajah 5.1 dan Rajah 5.2 masing-masing menunjukkan satu sinar cahaya melalui prisma P dan prisma Q.

Prisma P dan prisma Q diperbuat daripada kaca yang berbeza ketumpatan.




Diagram 5.1
Rajah 5.1




Diagram 5.2
Rajah 5.2

Soalan5(a)

- (a) What is meant by critical angle?
Tick (✓) the correct answer in the box provided.

*Apakah yang dimaksudkan dengan sudut genting?
Tanda (✓) jawapan yang betul dalam petak yang disediakan.*

- The angle of incidence when the angle of refraction is 90° .
Sudut tuju apabila sudut biasan ialah 90° .
- The angle of incidence when the incident ray is totally reflected.
Sudut tuju apabila sinar tuju dipantulkan sepenuhnya.

Ramai calon dapat memberikan pilihan yang tepat.

Contoh 5.1

- The angle of incidence when the angle of refraction is 90° .**
Sudut tuju apabila sudut biasan ialah 90° .
- The angle of incidence when the incident ray is totally reflected.
Sudut tuju apabila sinar tuju dipantulkan sepenuhnya.

Soalan 5(b)

- (b) Explain why the light ray does not bend when it enters both prisms at point A.
Jelaskan mengapa sinar cahaya tidak bengkak semasa memasuki kedua-dua prisma di titik A.

Sebahagian besar calon dapat memberikan jawapan yang tepat.

Contoh 5.2

The light ray is same direction with the normal line.

Sebahagian kecil calon memberikan jawapan yang salah kerana tidak menunjukkan arah sinar cahaya berserenjang dengan permukaan prisma.

Contoh 5.3

The light ray has high refractive index

Soalan 5(c)(i)

- (c) (i) Based on Diagram 5.1 and Diagram 5.2, how can the angle of incidence at point B be made equal to the critical angle?

Berdasarkan Rajah 5.1 dan Rajah 5.2, bagaimanakah sudut tuju di titik B dijadikan sama dengan sudut genting?

Prism P / Prisma P

.....

Prism Q / Prisma Q

.....

Sebahagian kecil calon dapat menjawab soalan ini dengan betul.

Contoh 5.4

Prism P / Prisma P

Increase the angle of incidence

.....

Prism Q / Prisma Q

Decrease the angle of incidence

.....

Ramai calon tidak dapat menjawab dengan tepat kerana tidak dapat menyatakan tentang kaedah untuk menambahkan sudut tuju untuk P dan mengurangkan sudut tuju untuk Q.

Contoh 5.5

Prism P / Prisma P

~~The incident ray must be~~ Incident angle should be
~~is smaller than refracted angle.~~

Prism Q / Prisma Q

~~Angle are~~ Ray is reflected by a reflector so
the incident angle is equal to
reflected angle.

Soalan 5(c)(ii)

- (ii) Diagram 5.1 shows the light ray passing from glass to air at point B. Compare the density of glass with the density of air.

Rajah 5.1 menunjukkan sinar cahaya itu merambat dari kaca ke udara di titik B.

Bandingkan ketumpatan kaca dengan ketumpatan udara.

Ramai calon dapat menyatakan ketumpatan kaca lebih tinggi daripada ketumpatan udara.

Contoh 5.6

Density of glass is denser than the density of air.

Soalan 5(c)(iii)

- (iii) Based on Diagram 5.1 and Diagram 5.2, what happen to the light ray after passing point B?

Berdasarkan Rajah 5.1 dan Rajah 5.2, apakah yang berlaku pada sinar cahaya itu selepas melalui titik B?

Diagram 5.1 / Rajah 5.1

.....

Diagram 5.2 / Rajah 5.2

.....

Ramai calon memberikan jawapan yang tepat kerana menyatakan tentang biasan menjauhi normal pada Rajah 5.1 dan pantulan pada Rajah 5.2

Contoh 5.7

Diagram 5.1 / Rajah 5.1

Refracted away ^{from} the normal.

Diagram 5.2 / Rajah 5.2

Reflected back.

Sebahagian calon tidak dapat markah ke-2 kerana tidak menyatakan tentang pantulan semula pada Rajah 5.2

Contoh 5.8

Diagram 5.1 / Rajah 5.1

Refracted away from the normal.

Diagram 5.2 / Rajah 5.2

Refracted towards the normal with same angle as the incident angle.

Soalan 5(d)

(d) Name the phenomenon shown in Diagram 5.2.

Namakan fenomena yang ditunjukkan dalam Rajah 5.2.

Ramai calon dapat menyatakan dengan tepat tentang pantulan dalam penuh.

Contoh 5.9

Total internal reflection.

Sebahagian kecil calon tidak dapat menulis dengan tepat istilah pantulan dalam penuh.

Contoh 5.10

internal reflection

SOALAN 6

6 Diagram 6 shows a lighting circuit of a house.

Rajah 6 menunjukkan litar lampu sebuah rumah.




Diagram 6
Rajah 6

Soalan 6(a)(i)

- (a) (i) Underline the correct answer in the bracket to complete the sentence below.
The bulbs in Diagram 6 are connected in (series , parallel).

Garis jawapan yang betul dalam kurungan untuk melengkapkan ayat di bawah.

Mentol-mentol dalam Rajah 6 disambung secara (siri , selari).

Ramai calon menjawab dengan betul tentang sambungan selari.

Contoh 6.1

- (a) (i) Underline the correct answer in the bracket to complete the sentence below.
The bulbs in Diagram 6 are connected in (series , parallel).

Garis jawapan yang betul dalam kurungan untuk melengkapkan ayat di bawah.

Mentol-mentol dalam Rajah 6 disambung secara (siri , selari).

Terlalu sedikit calon yang memberikan jawapan yang betul kerana tidak dapat membezakan sambungan siri atau selari.

Contoh 6.2

- (a) (i) Underline the correct answer in the bracket to complete the sentence below.
The bulbs in Diagram 6 are connected in (series , parallel).

Garis jawapan yang betul dalam kurungan untuk melengkapkan ayat di bawah.

Mentol-mentol dalam Rajah 6 disambung secara (siri , selari).

Soalan 6(a)(ii)

- (ii) What will happen to the other bulbs if one bulb blows?

Apakah yang berlaku kepada mentol-mentol lain jika satu mentol terbakar?

Sebahagian besar calon dapat menjawab bahawa lampu lain tidak terganggu iaitu terus menyala.

Contoh 6.3

still light / glow ~~not~~

Sebilangan kecil calon tidak dapat menjawab dengan betul dengan menyatakan lampu lain juga turut terpadam.

Contoh 6.4

Other bulb also not light up.

Soalan 6(b)(i)

(b) All the bulbs in Diagram 6 are labelled '240 V, 60 W'.

Semua mentol dalam Rajah 6 berlabel '240 V, 60 W'.

(i) What is meant by '240 V, 60 W'?

Apakah yang dimaksudkan dengan '240 V, 60 W'?

Kebanyakan calon dapat memberikan maksud yang tepat untuk menjelaskan hubungan 240V dengan kuasa 60W.

Contoh 6.5

When the bulb is connected to a power

supply of 240 V, the power produced is 60W

Kebanyakan calon yang tidak dapat memberikan definisi yang tepat kerana hanya menyatakan voltan 240V dan kuasa 60W.

Contoh 6.6

amount of voltage is 240V and amount of power

60 W.

Soalan 6(b)(ii)

(ii) Calculate the current in the circuit when only **one** bulb is lit.

Hitung arus dalam litar bila hanya satu mentol dinyalakan.

Ramai calon yang menjawab dengan betul kerana menggunakan terus rumus $P = IV$

Contoh 6.7

$$P = VI$$
$$60 = 240 I$$
$$\frac{60}{240} = I$$
$$I = 0.25 \text{ A}$$

Sebilangan kecil calon memberikan jawapan yang salah kerana lemah asas matematik.

Contoh 6.8

~~$V = IR$~~
 ~~$R = \frac{V}{I}$~~
 ~~$I = \frac{V}{R}$~~
 ~~$I = \frac{60}{240}$~~
 ~~$I = 0.25 \text{ A}$~~

$P = IV$
 $I = \frac{V}{P}$
 $I = \frac{240}{60}$
 $I = 4 \text{ A}$

Soalan 6(b)(iii)

(iii) Calculate the total resistance of the circuit when all bulbs are lit.

Hitung jumlah rintangan dalam litar itu apabila semua mentol dinyalakan.

Sebilangan besar calon dapat menjawab dengan betul apabila menggunakan formula

$\frac{1}{R} = \frac{1}{R_1} + \frac{1}{R_2} + \frac{1}{R_3}$ setelah mendapatkan nilai R yang betul.

Contoh 6.9

$$V = IR$$

$$2 \text{ 0 V} = 0.25 \times R$$

$$R = 960 \Omega = R_2 = R_3$$

$$R_1 = R_2 = R_3$$

$$\frac{1}{R} = \frac{1}{R_1} + \frac{1}{R_2} + \frac{1}{R_3}$$

$$\frac{1}{R} = \frac{3}{960 \Omega}$$

$$R = \frac{960 \Omega}{3} = \underline{\underline{320 \Omega}}$$

Calon tidak dapat menjawab dengan betul kerana tidak dapat menyelesaikan angka pecahan dengan betul.

Contoh 6.10

$$A = \frac{V}{I}$$

$$R = \frac{240}{0.25} = 960 \Omega$$

\therefore Total resistance

$$= 3 \times 960 \Omega$$

$$= 2880 \Omega$$

Soalan 6(b)(iv)

(iv) How can the bulbs be connected to increase the total resistance of the circuit?

Bagaimanakah mentol-mentol itu boleh disambung untuk menambah jumlah rintangan bagi litar itu?

Calon yang dapat menjawab sambungan siri mengetahui bahawa jumlah rintangan semakin bertambah.

Contoh 6.11

.....
connected in series
.....

Calon yang tidak dapat menjawab dengan betul kerana tidak memahami hubungan antara susunan litar dengan jumlah rintangan dalam litar.

Contoh 6.12

..... In ~~power~~ parallel connecting.....

SOALAN 7

7 Diagram 7 shows a simple transformer.

Rajah 7 menunjukkan sebuah transformer ringkas.




Diagram 7
Rajah 7

Soalan 7(a)(i)

(a) (i) Name the type of the transformer.

Namakan jenis transformer itu.

Sebilangan besar calon menjawab dengan betul iaitu *step-down transformer*.

Contoh 7.1

..... Step-down transformer.....

Sebilangan kecil calon yang salah kerana memberi ejaan yang salah iaitu *set down*, *ste down* dan sebagainya.

Contoh 7.2

..... Set-down transformer.....

Soalan 7(a)(ii)

(ii) State why soft iron is used as the transformer core.

Nyatakan mengapa besi lembut digunakan sebagai teras transformer.

Sebahagian calon yang menjawab betul kerana memahami konsep menggunakan teras besi lembut.

Contoh 7.3

Because it magnetises and demagnetises easily, therefore it increases the efficiency of the transformer.

Ramai calon yang menjawab tidak tepat kerana tidak mempunyai konsep yang betul seperti kurang rintangan, arus pusing dan lain-lain.

Contoh 7.4

To transfer electricity with less resistant.

Soalan 7(b)

(b) The number of turns on the primary coil in Diagram 7 is 1 000.

Calculate the number of turns on the secondary coil.

Bilangan lilitan pada gegelung primer pada Rajah 7 ialah 1 000.

Hitung bilangan lilitan pada gegelung sekunder.

Majoriti calon dapat menjawab dengan betul dengan menggunakan formula $\frac{V_s}{V_p} = \frac{N_s}{N_p}$

Contoh 7.5

$$\begin{array}{l} \frac{N_s}{N_p} = \frac{V_s}{V_p} \\ \frac{N_s}{1000} = \frac{6}{240} \end{array} \quad \left| \quad \begin{array}{l} N_s = 25 \# \\ \therefore \text{Number of turns} \\ \text{of secondary coil} = 25 \# \end{array} \right.$$

Sebilangan kecil calon yang tidak mendapat jawapan yang betul kerana membuat gantian yang salah di dalam rumus.

Contoh 7.6

$$\frac{V_s}{V_p} = \frac{N_s}{N_p}$$

$$\frac{60V}{240V} = \frac{x}{1000}$$

$$\frac{1}{4} \times 1000 = x$$

$$x = 250V$$

∴ 250 number of turns on the secondary coil.

Soalan 7(c)(i)

- (c) The transformer in Diagram 7 is used to switch on an electrical appliance. The current in the primary coil is 0.1 A and the efficiency is 75%.

Transformer dalam Rajah 7 digunakan untuk menghidupkan sebuah alat elektrik.

Arus yang mengalir dalam gegelung primer ialah 0.1 A dan kecekapannya ialah 75%.

- (i) Calculate the output power of the transformer.

Hitung kuasa output transformer itu.

Sebilangan kecil calon menjawab dengan betul kerana menggunakan formula

$$75\% = \frac{P_o}{P_i} \times 100 \text{ dengan betul.}$$

Contoh 7.7

$$\text{Efficiency} = \frac{\text{useful output power}}{\text{input power}} \times 100\%$$

useful output power = ?

input power = IV

$= 0.1 \times 240$

$= 24 \text{ W}$

$$75 = \frac{\text{output power}}{24} \times 100\%$$

$$\therefore \text{output power} = 18 \text{ W}$$

Ramai calon tidak dapat menjawab dengan betul apabila memenuhi formula penuh $\frac{I_s V_s}{I_p V_p} \times 100 = \text{efficiency}$ dan akhirnya keliru untuk mendapatkan P_{out} .

Contoh 7.8

$$\frac{I_s V_s}{I_p V_p} \times 100\% = \text{Efficiency}$$

$$\frac{x \times 6V}{0.1A \times 240V} \times 100\% = 75\%$$

$$x \times \frac{6}{24} = \frac{75}{100}$$

$$x \times \frac{1}{4} = \frac{3}{4}$$

$$x = \frac{3}{4} \times 4$$

$$x = 3A$$

(Handwritten notes include: $\frac{60}{18000}$, $\frac{0.3}{0.0033A}$, $\frac{0.6}{240x} = \frac{75}{100}$, $0.6 \times 100 = 75 \times 240x$, $60 = 18000x$)

Soalan 7(c)(ii)

- (ii) An electrical appliance which needs 20 W of power is connected to the transformer output.

Suggest a modification to the transformer that enables the appliance to function correctly.

Satu alat elektrik yang memerlukan kuasa 20 W disambung pada output transformer itu.

Cadangkan satu pengubahsuaian pada transformer itu supaya alat itu boleh berfungsi dengan betul.

Sebilangan kecil calon yang menjawab dengan betul apabila dapat menjelaskan kaedah meningkatkan kecekapan transformer.

Contoh 7.9

Use laminated soft iron core

Sebilangan besar calon tidak dapat menjawab dengan betul kerana tidak merujuk kepada konsep meningkatkan kecekapan transformer.

Contoh 7.10

By increasing the number of turns in the secondary coil

Soalan 7(d)(i)

- (d) A student connects a television which uses direct current to the output of the transformer in Diagram 7.

When the television is switched on, it does not function.

Seorang murid menyambungkan sebuah televisyen yang menggunakan bekalan arus terus kepada output transformer pada Rajah 7.

Apabila suis televisyen dihidupkan, didapati televisyen itu tidak berfungsi.

- (i) Why the television does not function?

Mengapakah televisyen itu tidak berfungsi?

Ramai calon yang menjawab dengan betul kerana sedar tentang televisyen yang disoal menggunakan 'direct current', sedangkan transformer menggunakan a.c.

Contoh 7.11

*Because the current carried by the transformer
is an alternating current.*

Soalan 7(d)(ii)

- (ii) An electrical component is connected to the output of the transformer so that the television functions.

Name the electrical component and state how the connection is made.

Satu komponen elektrik disambung kepada output transformer itu supaya televisyen itu berfungsi.

Namakan komponen elektrik itu dan nyatakan bagaimana sambungan itu dilakukan.

Sebilangan besar calon yang menjawab betul tentang komponen rektifier dan susunan siri yang betul.

Contoh 7.12

*A bridge rectifier is connected. to
It is connected in series.*

Ramai juga calon yang menjawab komponen rektifier yang betul tetapi penyambungan yang salah iaitu selari. Bagi calon yang lemah tidak dapat menjawab kedua-duanya.

Contoh 7.13

*Rectifier the ~~connective~~ connection is done
by putting in a rectifier in parallel to
the input.*

SOALAN 8

- 8 Diagram 8 shows a system used in a factory to ensure the thickness of a cardboard sheet is uniform.

Rajah 8 menunjukkan satu sistem yang digunakan di sebuah kilang untuk memastikan ketebalan kepingan kadbod adalah seragam.




Diagram 8
Rajah 8

The radioactive source, radiation detector and counter are used to detect the thickness of the cardboard sheet. The radioactive source contains a radioisotope. The roller is used to compress the cardboard sheet.

Sumber radioisotop, pengesanan sinaran dan pembilang digunakan untuk mengesan ketebalan kepingan kadbod. Sumber radioaktif itu mengandungi radioisotop. Pengelek digunakan untuk memampatkan kepingan kadbod.

Table 8 shows four radioisotopes with their respective properties.

Jadual 8 menunjukkan empat radioisotop dengan sifat masing-masing.

Radioisotopes Radioisotop	Half-life Separuh hayat	Type of radiation Jenis sinaran	Physical state Keadaan fizikal
Sodium-24 (Na) Natrium-24 (Na)	15 hours 15 jam	Gamma Gama	Liquid Cecair
Phosphorus-32 (P) Fosforus-32 (P)	14.3 days 14.3 hari	Beta Beta	Liquid Cecair
Cobalt-60 (Co) Kobalt-60 (Co)	5.27 years 5.27 tahun	Gamma Gama	Solid Pepejal
Strontium-90 (Sr) Strontium-90 (Sr)	28.5 years 28.5 tahun	Beta Beta	Solid Pepejal

Table 8
Jadual 8

Soalan 8(a)

(a) What is meant by a radioisotope?

Apakah yang dimaksudkan dengan radioisotop?

Sebahagian kecil calon menjawab dengan tepat iaitu isotop adalah nukleus yang tidak stabil.

Contoh 8.1

an unstable isotope decay to be stable

Majoriti calon tidak dapat menjawab dengan betul kerana mentakrifkan isotop sedangkan soalnya adalah radioisotop.

Contoh 8.2

Radioactive which has the same proton number but different nucleon number

Soalan 8(b)(i)

(b) Based on Table 8, state the suitable properties of the radioisotope to detect the thickness of the cardboard sheet.

Give reason for the suitability of the properties.

Berdasarkan Jadual 8, nyatakan sifat-sifat radioisotop yang sesuai untuk mengesan ketebalan kepingan kadbod.

Beri sebab mengapa sifat-sifat itu sesuai.

(i) Half-life / Separuh hayat

Reason / Sebab

Sebilangan besar calon boleh menjawab dengan tepat bahawa separuh hayat adalah panjang.

Contoh 8.3

(i) Half-life / Separuh hayat

long half life

Reason / Sebab

long life span so that we can use for long time

Sebahagian kecil calon tidak menjawab dengan betul kerana mengaitkannya dengan bahaya sinaran.

Contoh 8.4

(i) Half-life / Separuh hayat

Hours

Reason / Sebab

Because can be detected in shorter time

Soalan 8(b)(ii)

(ii) Type of radiation / Jenis sinaran

Reason / Sebab

Sebilangan besar calon menjawab dengan betul, iaitu beta β dan memberi sebab yang betul.

Contoh 8.5

(ii) Type of radiation / Jenis sinaran

Beta particle

Reason / Sebab

Medium in penetrating power because
 β particle can penetrate a sheet of paper [2 marks]
[2 markah]

Sebilangan kecil calon menjawab tidak tepat, iaitu sinaran lain, alfa α , gama γ dengan menyatakan sebab yang salah.

Contoh 8.6

(ii) Type of radiation / Jenis sinaran

Gamma

Reason / Sebab

Lagi cepat bergerak balas

Soalan 8(b)(iii)

(iii) Physical state / Keadaan Fizikal

Reason / Sebab

Majoriti calon menjawab dengan betul untuk pepejal dan sebab yang betul iaitu mudah dikendalikan.

Contoh 8.7

(iii) Physical state / Keadaan Fizikal

Solid

Reason / Sebab

can be easily handle

[2 marks]

Hanya sebilangan kecil calon untuk pepejal tetapi memberi sebab yang tidak berkaitan.

Contoh 8.8

(iii) Physical state / Keadaan Fizikal

Solid

Reason / Sebab

Supaya tidak merosakkan permukaan tepian
cardboard

[2 marks]

Soalan 8(c)

(c) Based on the answers in 8(b), determine the most suitable radioisotope in Table 8 to detect the thickness of the cardboard sheet.

Berdasarkan jawapan di 8(b), tentukan radioisotop dalam Jadual 8 yang paling sesuai digunakan untuk mengesan ketebalan kepingan kadbod.

Majoriti calon dapat menjawab dengan betul iaitu strontium-90

Contoh 8.9

Strontium - 90

Sebilangan kecil yang tidak menjawab dengan betul kerana sekadar meneka jawapan sahaja.

Contoh 8.10

Sodium - 24 (Na)

Soalan 8(d)(i)

(d) The radioisotope in 8(c) is used to detect the thickness of the cardboard sheet.

Radioisotop di 8(c) digunakan untuk mengesan ketebalan kepingan kadbod.

(i) State the change in the reading of the counter when a thicker cardboard is used.

Nyatakan perubahan bacaan pembilang apabila kadbod yang lebih tebal digunakan.

Sebilangan besar calon menjawab dengan betul, iaitu “berkurang” kerana mengaitkannya dengan halangan (kadbod tebal).

Contoh 8.11

*Reading of the counter decreases
The radiation detector will detect less emission
of radioactive substance, causes the*

Sebahagian kecil calon yang menjawab salah memberikan nilai tanpa memahami tugas soal.

Contoh 8.12

0.01 mm

Soalan 8(d)(ii)

(ii) How is the thickness of the cardboard sheet reduced?

Bagaimanakah ketebalan kepingan kadbod itu dikurangkan?

Ramai calon menjawab dengan betul iaitu dengan cara merapatkan penggelek (roller).

Contoh 8.13

*The roller will compress the cardboard sheet
harder to reduce the thickness of
cardboard sheet*

Sebahagian kecil calon yang tidak menjawab tepat sekadar menulis jawapan tanpa menyatakan sebab yang betul.

Contoh 8.14

By the radiation.....

Soalan 8(e)

(e) The half-life of Cobalt-60 is 5.27 years.

Sepuluh hayat Kobalt-60 ialah 5.27 tahun.

Calculate the time taken for the activity of Cobalt-60 to reduce to 6.25% of its initial value.

Hitung masa yang diambil untuk keaktifan Kobalt-60 berkurang menjadi 6.25% daripada nilai asalnya.

Majoriti calon mendapat jawapan yang betul apabila menggunakan kaedah separuh berkurangan daripada asal.

Contoh 8.15

100%
 \downarrow — $T_{1/2} = 5.27$
 50%
 \downarrow — $T_{1/2} = 5.27$
 25%
 \downarrow — $T_{1/2} = 5.27$
 12.5%
 \downarrow — $T_{1/2} = 5.27$
 6.25%

The time taken for the activity is $= 5.27 \times 4$
 $= 21.08$ years

Sebilangan kecil calon yang tidak dapat menjawab dengan betul kerana tidak mengetahui maksud separuh hayat.

Contoh 8.16

$$5.27 \longrightarrow 0.329$$

$$= \frac{6.25}{100} \times 5.27$$

$$= 0.329$$

$$\text{time taken} = \frac{1}{0.329}$$

$$= 3.04 \text{ seconds.}$$

Soalan Bahagian B (Esei)

SOALAN 9

- 9 (a) Diagram 9.1 shows a cross-section of a wing of a moving aeroplane. The wing of the aeroplane experiences a lift force.

Rajah 9.1 menunjukkan suatu keratan rentas bagi sayap sebuah kapal terbang yang sedang bergerak. Sayap kapal terbang itu mengalami daya angkat.




Diagram 9.1
Rajah 9.1

Soalan 9(a)(i)

- (i) Name the shape of the cross-section in Diagram 9.1
Namakan bentuk keratan rentas dalam Rajah 9.1.

Sebilangan kecil calon menjawab dengan betul bagi menamakan Rajah 9.1

Contoh 9.1

a) i) Aerofoil shape

Majoriti calon menjawab kurang tepat dari sudut terminologi bentuk yang diberi, contohnya *streamline*, *aerodynamic*.

Contoh 9.2

9 (a) i) the shape is ~~aerodynamic~~ stream line
aerodynamic

Soalan 9(a)(ii)

(ii) Explain why the lift force acts on the wing of the aeroplane. [3 marks]

Terangkan mengapa daya angkat bertindak pada sayap kapal terbang itu. [3 markah]

Majoriti calon dapat menghubungkan kait di antara kelajuan udara yang tinggi di atas kepak dengan tekanan yang rendah. Daya angkatan diperoleh daripada perbezaan tekanan bawah dengan atas.

Contoh 9.3

ii) The lift force acts on the wing because :-

- i - The aerofoil shape is used to reduce air friction.
- ii - Therefore, when the wing move in the air, the air resistance above the wing region is reduced and increase the speed.
- iii - When the speed is increase, the pressure above the wing is lower, thus creating a greater pressure below the wing, which also has lower speed.
- iv - The difference strength of pressure between two region will make the greater pressure at region below the wing ~~to~~ push the upper region and create lift force.

Sebahagian kecil calon tidak dapat menjawab kerana tidak dapat menggambarkan tentang kelajuan udara di atas kepak dan mengaitkannya dengan tekanan dan seterusnya daya angkatan.

Contoh 9.4

ii) The lift force acts on the wing of the aeroplane because :

- the speed of air is high
- therefore ~~cause it to have~~ it creates a region of low pressure
- thus, the atmospheric pressure will lift it up and cause it to move upwards.

Soalan 9(b)(i)

- (b) Two ski jumpers ski down from a very high platform with the same take off velocity.


Diagram 9.2 and Diagram 9.3 show the posture of the two ski jumpers during take off from the platform.

Diagram 9.4 and Diagram 9.5 show the posture of the two ski jumpers in the air. They land on the ground at the same instant.

Dua orang peluncur ski berlepas dengan halaju yang sama ketika menuruni satu platform yang tinggi.

